

18/07/2002

Budaya politik Pas yang semakin menyongsang

Affendi Zahari

PERTEMBUNGAN satu sama satu di antara Umno dan Pas bagi pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit hari ini ialah pertembungan politik yang cukup sengit antara dua parti teras orang Melayu dan umat Islam.

Dalam ruang lingkup lebih luas, ini adalah `pertembungan langsung' di antara dua bentuk pemikiran Islam dalam dunia moden.

Pemikiran Islam sederhana dan progresif yang diperjuangkan Umno serta pemikiran Islam penuh unsur fanatisme disertai konsep assabiah jumud dan taksuf yang dibawa Pas.

Pas sememangnya nampak tenang di permukaan, tetapi hakikatnya parti itu menghadapi `krisis politik dalaman' yang cukup serius.

Pemergian Allahyarham Datuk Fadzil Noor ialah suatu kehilangan besar kepada arus pemikiran sederhana dan sedikit terbuka dalam Pas kerana beliau ialah satu-satunya pemimpin pembangkang Melayu yang kelihatan terbuka bagi merealisasikan idealisme `penyatuan Melayu dan umat Islam' di Malaysia.

Benih penyatuan itu telah cuba dibawa oleh Allahyarham, tetapi seperti biasa mendapat tentangan cukup kuat oleh `puak konservatif' dalam Pas.

Tetapi kini, Pas dikuasai sepenuhnya oleh kelompok `ulama' berfikiran amat konservatif dan tidak mengambil kira dinamisme masa dan keadaan dalam memperjuangkan Islam.

Inilah faktor utama yang perlu difikirkan oleh pengundi Pendang dan Anak Bukit.

Memberikan undi kepada Pas dalam pilihan raya kecil hari ini bagaikan membenarkan budaya politik celupar ala-gangsterisme dan amalan politik `teokrasi' yang cukup tertutup itu terus subur dan hidup.

Janganlah diharap kepada parti seperti Pas untuk membawa perubahan dan pembangunan kepada kawasan sekitar Pendang dan Anak Bukit. Siapapun yang dipilih Pas untuk menjadi wakil di Pendang dan Anak Bukit tidak akan dapat melawan arus kelompok dominan dalam Pas yang bersikap radikal dan taksuf.

Penonjolan calon muda dan profesional hanyalah cubaan Pas untuk mengabui mata rakyat bahawa Pas mendapat sokongan kelompok berkenaan. Walhal, bagi profesional muda Melayu yang benar-benar `terdidik', sepatutnya tidak akan terpengaruh dengan `helah politik' yang Pas ketengahkan.

Hiraki kepemimpinan Pas semakin dikuasai golongan `ulama' yang terlalu sukar ditegur dan dicabar. Fungsi timbang-tara di antara kelompok profesional dan golongan `ulama' yang sebelum ini dimainkan Fadzil tidak akan mampu dilaksanakan oleh individu lain dalam hiraki kepemimpinan Pas.

Yang wujud dan akan terus mendominasi arah dan hala tuju pemikiran Pas hanya kelompok ulama yang seakan-akan tidak mempunyai kelemahan dan kononnya sentiasa bercakap benar.

Sebarang isu berbangkit boleh diselesaikan dengan satu `kenyataan politik' yang bertaraf `fatwa', walaupun jelas bertentangan dengan nilai Islam sebenar.

Jika bekerjasama dengan syaitan dan mencarut boleh dihalalkan, apalah sangat untuk mengeluarkan `fatwa' untuk membenarkan apa yang dikatakan oleh `ayam tambatan' parti itu.

Adalah cukup menghairankan, kelompok `ulama' Pas dapat menyetujui tindakan dan amalan politik celupar yang dibawa sesetengah ahli Pas yang tidak langsung mencerminkan akhlak Islami seorang pejuang Islam.

Fitnah, tuduhan palsu dan gelaran dahsyat yang `dihalalkan' oleh

kelompok `ulama' Pas seakan-akan memberi gambaran tahap kejumudan dan kedangkalan pemikiran kepemimpinan tertinggi Pas.

Gelaran `Mursyidul Am' yang sepatutnya menjadi puncak tertinggi rujukan sebuah parti Islam juga dicemari dengan fikrah penuh kesumat dan sanggup menghalalkan sesuatu yang jelas tidak selari dengan Islam.

Pemimpin yang paling `berani dan celupar' akan sentiasa diangkat sebagai hero dan pejuang Islam sebenar dalam parti yang penuh kejumudan pemikiran seperti Pas. Secara tidak langsung, integriti golongan `ulama' dalam Pas wajar diragui.

Bayangkan situasi di mana ceramah Pas dan parti pembangkang yang hanya berteraskan `manifesto dan dasar' yang cuba dibawa, tanpa sebarang cemuhan, fitnah dan carutan.

Penceramah seperti Mohamad Sabu tidak akan mampu menarik minat pendengar, terutama dengan tahap pemikiran beliau yang sederhana dan tidak pun dihormati sebagai pemimpin `pemikir' dalam Pas.

Kekuatan Mohamad Sabu hanyalah pada lidah yang gemar mengutuk, mengeji dan menghina orang lain. Begitu juga kekuatan Prof Datuk Shahnon Ahmad yang semakin kuat `melatah' dengan tulisan jijik dan kotor.

Hudud politik yang cuba Pas ketengahkan di Terengganu bagaikan `senjata makan tuan' apabila kepemimpinan Pas mengakui prasarana yang ada di negeri itu masih lagi lemah dan belum melayakkan pelaksanaan sepenuhnya `hukum hudud' yang menjadi kemuncak idealisme Pas.

Hudud Terengganu dibentangkan secara tergesa-gesa untuk mendapat kelebihan di Pendang dan Anak Bukit. Tetapi jika pengundi kawasan berkenaan dapat menilai `hukum hudud segera' yang Pas ketengahkan, tidak terlalu sukar untuk melihat pelbagai kelemahan dalam usaha pelaksanaan keseluruhan hukum itu di Terengganu.

Usaha untuk menggunakan `hukum hudud' sebagai faktor kemenangan di Pendang dan Anak Bukit seakan-akan tidak menjadi.

Sebaliknya, dalam keadaan yang begitu terdesak, jentera pilihan raya Pas dan parti pembangkang terpaksa menggunakan kaedah terdesak yang ada, termasuk menggunakan sergahan, ancaman, `gangguan seksual' dan apa juga cara untuk menidakkan gerakan jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN).

Pemuda dan Puteri Umno dianggap sebagai jentera yang mampu menyusahkan pihak pembangkang, dan gerakan mereka mesti dibatasi.

Belum lagi kita melihat poster yang sanggup `mempolitikkan' kematian bekas Presiden Pas sebagai kaedah meraih `undi simpati', dan cubaan pemimpin parti Keadilan menggunakan `istana' sebagai cubaan terdesak untuk mendapat undi.

Inilah contoh yang cukup jelas, pakatan parti pembangkang yang bankrap isu dan idea dalam memenangi pilihan raya. Keperluan politik pembangunan setempat seakan-akan cuba ditutup dengan politik dendam kesumat dan kata-nista.

Suatu perkara yang harus difahami oleh masyarakat Malaysia dan umat Islam, khususnya ialah amalan politik songsang yang dibawa Pas adalah akibat pengaruh golongan `ulama' yang disamatarafkan dengan `Nabi'.

Slogan biasa yang dilaungkan dalam parti itu, `Ulama Adalah Pewaris Nabi', seakan-akan memberikan gambaran bahawa `ulama' Pas tidak akan melakukan kesilapan, dan kenyataan politik mereka adalah `fatwa' yang tidak mungkin dan tidak boleh disanggah. Maka, akan tertutuplah ruang untuk usaha `pembetulan' yang mungkin wujud dalam parti itu.

Tanpa ruang untuk mengkritik dan membetulkan kepemimpinan, Pas akan terus menjadi parti yang jumud dan dangkal orientasi pemikirannya.

Kesediaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatan dalam tempoh 16 bulan lagi seakan-akan mencipta `kekusutan pemikiran' dalam parti pembangkang.

Hujah bahawa Perdana Menteri sebagai `diktator' yang enggan melepaskan

jawatan sudah tidak boleh dipakai.

Dengan latar belakang pengajian agama yang Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi miliki, ditambah pula dengan imej beliau yang bersih dan mesra rakyat, Pas semakin kurang modal untuk berhadapan dengan Umno dan BN.

Perkembangan politik nasional ini akan memberi kesan yang cukup mendalam dalam pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit.

Persoalan sama ada pilihan raya kecil ini akan menjadi `barometer' politik untuk mengukur keupayaan Pak Lah dan Datuk Seri Abdul Hadi Awang adalah sesuatu yang tidak relevan.

Untuk Umno dan BN, Abdullah ialah pemimpin yang sudah teruji fikrah dan kesetiiaannya kepada parti.

Mungkin untuk Pemangku Presiden Pas, inilah peluang membuktikan kaedah didikan usrah dalaman Pas berjaya mencipta kelompok yang taksab kepada pemimpin.

Umno yang bulat dan padu sudah siap sedia untuk menerima Abdullah sebagai Presiden, sementara Pemangku Presiden Pas perlu berusaha keras untuk menampilkan dirinya sebagai `moderator' kelompok profesional dan golongan `ulama' dalam parti itu.

Sudah barang tentu, Pemangku Presiden Pas lebih gemarkan golongan `ulama' kerana beliau dengan sendirinya tidak akan mampu ditegur dan dikritik. Untuk mengkritik `ulama' dalam Pas, samalah seperti cubaan memperbetul agama Islam itu sendiri.

Islam gaya Pas sememangnya tidak akan mendatangkan manfaat kepada kecemerlangan umat. Dengan budaya politik songsang, dan kegemaran memperguna Islam bagi mendapatkan populariti kelompok dan diri sendiri, Pas sebenarnya menjadi `hambatan' kepada kegemilangan Islam yang kita cita-citakan.

Kalau pada pilihan raya umum lalu, kuasa besar seperti Amerika Syarikat agak `cenderung' menyokong Pas sebagai kaedah meruntuhkan keabsahan atau kedaulatan BN, hari ini parti Islam yang konservatif seperti Pas ialah gerakan Islam yang berpotensi mendatangkan masalah kepada kuasa dunia itu.

Walaupun wujud kecenderungan media Barat untuk menampilkan Hadi sebagai antara ahli politik berpengaruh di Malaysia, cubaan jelek ini hanya bertujuan menidakkan kepemimpinan negara.

Pas sebagai sebuah parti yang membawa `imej Islam' gagal membentuk peribadi mulia di kalangan pimpinan dan anggotanya.

Yang masih berada dengan Pas hanyalah mereka yang terus `terpesona dan terpukau' dengan imej luaran Islam yang dibawa oleh parti itu.

Hakikatnya, Islam yang diperjuangkan oleh Pas bukanlah Islam yang mampu membawa kekuatan kepada umat, tetapi membenih budaya perpecahan yang tidak mungkin menjadikan umat Islam sebagai umat yang kuat dan padu.

Orientasi Islam yang sederhana atau `wasatiyyatul Islam' yang dibawa Umno adalah gerakan yang tepat dan sesuai dengan kehendak masa dan keadaan.

Mahu tidak mahu, Pas perlu menerima kenyataan bahawa Islam yang dibawa Umno lebih mencerminkan Islam yang dinamis, progresif dan berdaya saing.

Bukannya Islam yang diwarnai oleh kata-nista, tulisan yang jijik dan budaya politik neo-Machiavelli yang sanggup memperalat agama untuk tujuan merebut kuasa.

Kesungguhan jentera pilihan raya BN untuk menawan semula Pendang dan Anak Bukit tidak boleh diragui lagi.

Timbalan Presiden, Naib-Naib Presiden, Ahli Majlis Tertinggi, Wanita, Pemuda dan Puteri bagaikan membawa `arus pemulihan' kepada pembangunan kedua-dua kawasan yang sedikit terencat kerana dikuasai pembangkang.

Dengan usaha dan komitmen BN Kedah, Pendang dan Anak Bukit akan kembali ke dalam arus perdana pembangunan negeri dan negara.

Pilihan raya Pendang dan Anak Bukit memang penting sebagai kayu pengukur

penerimaan rakyat terhadap kerajaan.

Kemenangan BN di Pendang dan Anak Bukit akan memberikan gambaran bahawa rakyat sudah muak dengan politik `tin kosong' yang dibawa Pas.

Apa yang diharapkan, pengundi di Pendang dan Anak Bukit dapat melihat kebenaran dengan `mata hati'. Jangan terlalu terpengaruh dengan imej Islam yang dibawa Pas.

Pengundi di Pendang dan Anak Bukit mesti memberikan isyarat yang jelas, penolakan rakyat terhadap budaya politik songsang yang dipelopori Pas.

Sebaliknya, Islam yang luhur, progresif dan dinamik telah lama diperjuangkan Umno.

Kolum Nakhaie Ahmad tidak dapat disiarkan hari ini. - Pengarang